

Tuanku Canselor UPM Berkenan Lantik Tan Sri Peter Chin Fah Kui Pro Canselor Baharu

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SHAH ALAM, 20 Ogos – Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melantik Tan Sri Peter Chin Fah Kui sebagai Pro Canselor UPM yang baharu, di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, hari ini.



Sultan Sharafuddin yang juga Sultan Selangor turut berkenan melantik semula Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie sebagai Pro-Canselor.



Pelantikan tersebut adalah untuk tempoh selama tiga tahun berkuat kuasa 18 Oktober 2024 hingga 17 Oktober 2027.

Turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Abd Kadir, Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Prof. Dr. Azlinda Azman dan Naib Canselor UPM, Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah.



Pelantikan itu adalah selari dengan nic UPM yang mengangkat agenda pertanian sejak penubuhannya pada tahun 1971 dan komitmen universiti dalam memperkasakan pertanian untuk manfaat masyarakat dan negara.

Seiring dengan kepakarannya di IOI Corporation Berhad, beliau mampu menyumbang kepada pembangunan serta memperkuuhkan agenda pertanian dan keterjaminan makanan negara secara amnya dan upm secara khususnya.

Terdahulu, Tan Sri Peter Chin telah menyandang pelbagai jawatan kanan dalam Kerajaan Malaysia dari tahun 1986 sehingga bersara pada Mei 2013.

Antara jawatan yang pernah disandang beliau adalah Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebajikan.